


## DEFINISI PERKAHWINAN KANAK-KANAK

United Children's Fund (UNICEF) mendefinisikan ia sebagai "perkahwinan rasmi atau penyatuan secara tidak rasmi sebelum berumur 18 tahun". (2011)

Menurut Inter-African Committee (IAC), perkahwinan kanak-kanak ditakrifkan sebagai "mana-mana perkahwinan yang dibuat di bawah umur 18 tahun, sebelum perempuan itu bersedia secara fizikal, fisiologi, dan psikologi bersedia untuk menanggung tanggungjawab perkahwinan". (1993)



## UNDANG-UNDANG YANG MEMBENARKAN PERKAHWINAN KANAK-KANAK

### MUSLIM

#### AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

Seksyen 8 menyatakan bahawa seorang lelaki berumur di bawah 18 tahun dan perempuan berumur di bawah 16 tahun boleh berkahwin dengan kebenaran Mahkamah Syariah.

### BUKAN MUSLIM

#### AKTA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN) 1976

Seksyen 10 & 12, orang bukan Islam boleh berkahwin jika mereka berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan memerlukan persetujuan ibu bapa untuk berkahwin jika mereka di bawah 21 tahun.

#### PENGECUALIAN

Seorang perempuan berumur 16 tahun boleh berkahwin jika Ketua Menteri / Menteri Besar memberi keizinan untuk perkahwinan tersebut.

## LANGKAH YANG PATUT DIAMBIL



### PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

#### MENAikkan UMUR MINIMA PERKAHWINAN KE 18 TAHUN TANPA PENGECUALIAN

Kami menggesa kerajaan mengikut langkah-langkah yang dilakukan oleh negara-negara Islam lain seperti Mesir, Algeria dan Maghribi.

#### MENGGUBAL UNDANG-UNDANG BAGI MELINDUNGI MANGSA ROGOL

Kami mendesak kerajaan menggubal undang-undang yang akan melindungi dan menghalang mangsa daripada berkahwin dengan perogol seperti di negara Lebanon, Jordan dan Tunisia.

#### MENETAPKAN SUATU PROSEDUR OPERASI STANDARD UNTUK HAKIM SYARIE

Buat masa ini, tiada prosedur yang ditetapkan bagi permohonan perkahwinan bawah umur. Kami mendesak agar suatu Prosedur Operasi Ketat ditetapkan dimana semua Hakim Syarie harus mematuhi.



### PENDIDIKAN & KESEDARAN

#### PENDIDIKAN SEKSUAL

Pendidikan seks menyeluruh diajar kepada kanak-kanak tentang seks yang selamat, bahaya penyakit jangkitan kelamin, dan kesan kehamilan remaja terhadap ibu muda.

#### TINGKATKAN KESEDARAN

Ibu bapa dan guru harus sedar tentang kesan buruk perkahwinan kanak-kanak. Mereka harus lebih kritikal terhadap amalan ini dan mengutamakan pendidikan bukan perkahwinan.



### SOKONGAN & BANTUAN

#### TELENISA

SIS menawarkan khidmat nasihat undang-undang percuma bagi semua berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam dan Undang-Undang Jenayah Syariah.

☎ 03 - 7960 8802 📞 Telefon Untuk Janji Temu

📍 Telenisa.SIS 📍 4, Lorong 11/8E, 46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

✉ telenisa@sistersinislam.org.my

Klinik bantuan kami beroperasi setiap **Selasa, Rabu** dan **Khamis** dari **10:00 pagi hingga 5:00 petang** (kecuali pada cuti umum).

# PERKAHWINAN KANAK KANAK



## APA YANG KITA PERLU TAHU



Empowering Voices for Change




Jumlah Penduduk  
Malaysia Pada 2016  
**31.7 JUTA**



\*Bancian Penduduk dan Perumahan 2000

### JUMLAH KES Perkahwinan Kanak-kanak



**10,240**  
Bilangan  
Permohonan Bagi  
Perkahwinan  
Kanak-kanak  
Islam Diantara  
Tahun  
2005 - 2015




Purata Permohonan Tahunan Bagi Kanak-kanak Islam  
Yang Dicatatkan Oleh Jabatan Kehakiman Syariah

**2005** **849** **2011** **1,029**  
**2010** **2015**

\*Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## PERKAHWINAN KANAK-KANAK YANG DIREKODKAN MENGIKUT NEGERI



\*2011, Jabatan Statistik Malaysia

## KES PERKAHWINAN KANAK-KANAK

2012

Pada 2012, Nor Azira yang berusia 12 tahun dan Ahmad Ilyas berusia 19 tahun berkahwin di utara Kedah selepas ayahnya bersetuju dan memberikan kebenaran. Ayahnya berkata "*Lebih baik bagi mereka untuk berkahwin daripada melakukan sesuatu yang tidak wajar*". Walaubagaimanapun, **perkahwinan itu tidak bertahan lama**.

2014

Pada 2014, Nor Izzah yang berumur 17 tahun telah berkahwin dengan teman lelakinya yang berusia 15 tahun, Mohd Abdul selepas dua bulan jatuh cinta. Izzah baru sahaja menamatkan *SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)* dan Abdul sedang menunggu keputusan *PT3*. Abdul **tidak berniat melanjutkan pelajaran selepas berkahwin**.

\*Nama samaran yang diberikan

## IMPAK PERKAHWINAN KANAK-KANAK



PENDIDIKAN

### KESUKARAN MELANJUTKAN PELAJARAN DAN MENDAPATKAN PELUANG PEKERJAAN

Seorang kanak-kanak yang telah berkahwin pada usia awal **mempunyai peluang yang lebih rendah untuk meneruskan** pendidikan tinggi.



### MENGALAMI MASALAH-MASALAH KESIHATAN KERANA MENGANDUNG LEBIH AWAL

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mendapati komplikasi ketika kehamilan dan kelahiran merupakan **punca kematian kedua** bagi remaja berumur antara 15-19 tahun di seluruh dunia.



KESIHATAN

### LEBIH TERDEDAH KEPADA KEGANASAN SEKSUAL DAN FIZIKAL

Pada 2014, Pusat Kajian Penyelidikan Wanita Antarabangsa (ICRW) mendedahkan kanak-kanak perempuan yang berkahwin sebelum 18 tahun, adalah **2 kali lebih berisiko** mengalami keganasan rumahtangga. Mereka juga **mempunyai akses** dan **sumber bantuan yang terhad** kepada bantuan yang diperlukan.



KEGANASAN  
RUMAH  
TANGGA